




03-9769 1351/1288 [www.i-sukan.upm.edu.my](http://www.i-sukan.upm.edu.my) [Pusat Sukan UPM](#) [Instagram/upmsports](#) [TPM SPORTS](#) <https://www.youtube.com/channel>

## PEMBANGUNAN FASILITI BAHARU DAN NAIK TARAF KEMUDAHAN SUKAN DI PUSAT SUKAN

Pusat Sukan sentiasa berusaha untuk menyediakan keperluan fasiliti sukan yang terbaik buat kegunaan pelajar, staf dan juga komuniti setempat. Sejajar dengan keperluan yang sentiasa menjadi keutamaan, Pusat Sukan telah mengambil inisiatif untuk membina kemudahan sukan baharu dan menaik taraf beberapa kemudahan sukan dalam menyediakan prasarana yang terbaik dan kondusif untuk kegunaan semua samada bagi tujuan latihan atau pertandingan. Antara projek pembinaan baharu dan naik taraf fasiliti yang telah dilaksanakan sehingga Jun 2020 ialah seperti:

- 1) Pembinaan Padang Sintetik,
- 2) Pembinaan Padang *Paintball* (Fasa Akhir),
- 3) Naik taraf Padang Bola Sepak C



## LAWRENCE PETRUS BAWA NAMA UPM SERDANG ANGELS KE AUSTRALIA



Lawrence Petrus merupakan seorang pemain Ragbi yang tidak asing lagi dalam arena Ragbi negara. Beliau merupakan alumni UPM yang kini sedang beraksi bersama kelab Ragbi University of Western yang berpengkalan di Perth, Australia.

Dalam kariernya sebagai pemain Ragbi UPM Serdang Angels, beliau telah memenangi beberapa kejuaraan bersama pasukan UPM Serdang Angels dalam kejohanan peringkat universiti dan kebangsaan.

Selain itu, beliau juga merupakan salah seorang pemain yang telah berjaya menaikkan pasukan Ragbi Malaysia untuk bermain dalam Divisyen 1, Kejohanan Ragbi Asia pada tahun 2019.

Kini, nama Lawrence Petrus setaraf dengan pemain Ragbi senior tanahair yang pernah mewakili negara untuk bermain bersama kelab luar negara seperti, Dineswaran Krishnan, Marc Lee dan Mohd Amin Jamaluddin.



## JASAMU DIKENANG



Selamat bersara diucapkan kepada Pn. Ruziana R. Mahmud yang telah menamatkan khidmat kerjayanya di UPM pada 21 Mei 2020. Sepanjang tempoh kerjaya beliau yang menjangkau 38 tahun di UPM, beliau terlibat dengan pelbagai kejayaan yang dicapai oleh UPM terutama sekali sumbangan beliau dalam pembangunan sukan Bola Tampar pelajar dan juga staf.

Banyak kenangan terindah beliau bersama pasukan Bola Tampar pelajar terutamanya pernah membawa pasukan UPM sebagai johan dalam kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) dan juga kejohanan sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

Indah panorama menghias alam,  
Tampak dari tanjung agas,  
Esok lusa tampak berbalam,  
Rinduan kami tetap berbekas.

**Sekalung penghargaan dan selamat maju jaya buat Pn. Ruziana R. Mahmud.**

## PROGRAM KEBAJIKAN: SUMBANGAN KEPADA PESARA PUSAT SUKAN UPM



Pusat Sukan telah menyerahkan sumbangan sempena Hari Raya Aidilfitri 1441h kepada En. Jalaluddin Bahi yang merupakan bekas staf UPM yang telah berkhidmat di Pusat Sukan yang kini mengalami penyakit kanser hati.

Sumbangan yang disalurkan adalah bertujuan untuk meringankan beban yang ditanggung beliau dan keluarga. Sumbangan telah disampaikan oleh wakil daripada Pusat Sukan, En. Razizi Hj. Midin, Pegawai Belia & Sukan, Pusat Sukan UPM. Semoga dengan sumbangan yang dihulurkan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban beliau dan keluarga.

## KEPUTUSAN KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UPM SESI 2019/2020

### Kutipan Markah Keseluruhan Mengikut Kategori

**Kategori : Lelaki**

KED	KOLEJ	Sem 1	Sem 2	MATA
1	Kolej Tun Dr. Ismail	69	6	75
2	Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah	53	8	61
3	Kolej Sepuluh	54	6	60
4	Kolej Canselor	34	16	50
5	Kolej Pendeta Za'ba	41	5	46
6	Kolej Tiga Belas	38	4	42
7	Kolej Dua Belas	27	4	31
8	Kolej Tujuh Belas	23	3	26
9	Kolej Empat Belas	15	6	21

**Kategori: Wanita**

KED	KOLEJ	Sem 1	Sem 2	MATA
1	Kolej Tun Dr. Ismail	61	17	78
2	Kolej Canselor	64	10	74
3	Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah	40	10	50
4	Kolej Tujuh Belas	41	8	49
5	Kolej Pendeta Za'ba	42	5	47
6	Kolej Dua Belas	29	5	34
7	Kolej Sepuluh	28	-1	27
8	Kolej Tiga Belas	23	4	27
9	Kolej Empat Belas	20	3	23

## KEPUTUSAN ACARA SUKAN KOLEJ SEMESTER 2, 2019/2020

BIL.	SUKAN	KEPUTUSAN	
		Johan	Naib Johan
1.	Bola Sepak	-	-
2.	Bola Keranjang (W)	KTDI A	K17
3.	Bola Jaring	KTDI A	KC A
4.	Takraw	KC A	KC B

\*Perlawanan Bola Sepak hanya dapat dilangsungkan sehingga pusingan suku akhir sahaja.



## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019

Syabas dan tahniah diucapkan kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Pusat Sukan bagi tahun 2019. Sesi penyampaian sijil kepada penerima-penerima APC 2019 entiti HEPA telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) UPM bertempat di Pusat Alumni, UPM.

Semoga anugerah yang dikecapi ini menjadi pemangkin untuk terus mengekalkan prestasi dan berkhidmat dengan baik dan telus pada masa akan datang.



En. Yusri Mohd Nor



Pn. Mastura Shaari



En. Muhamad Malik Ahmad Tobias